

NARATIF MAJLIS PERUNDINGAN GIG

Memperkasa Masa Depan Pekerja Gig: Majlis Perundingan Gig (MPG)

Ekonomi gig di Malaysia kini diiktiraf sebagai komponen penting yang menyumbang kepada dinamik pasaran buruh moden. Seiring dengan pertumbuhan sektor ini, Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) telah mengambil langkah proaktif untuk memastikan ekosistem yang adil, mampan serta memberikan perlindungan kepada hak pekerja gig.

Hal ini disempurnakan dengan penubuhan **Majlis Perundingan Gig (MPG)** yang berkuat kuasa di bawah peruntukan **Akta Pekerja Gig 2025 [Akta 872]**. Akta ini telah diwartakan pada 31 Disember 2025.

Fungsi dan Kuasa MPG

MPG berfungsi sebagai badan penasihat dan perunding untuk menasihati serta memberikan syor kepada pihak Kerajaan. Fungsi utama Majlis adalah selaras dengan Subseksyen 47(1) yang meliputi perkara seperti berikut:

- a) kadar pendapatan minimum termasuk liputan mengikut sektor, kawasan wilayah, jenis pekerja gig atau perkhidmatan dan kategori atau perkara lain yang berhubungan dengan kadar pendapatan minimum dan pendapatan;
- b) formula yang akan diguna pakai berhubung dengan kadar pendapatan minimum dan pendapatan mengikut sektor, kawasan wilayah, jenis pekerja gig atau perkhidmatan dan kategori atau perkara lain yang berhubungan dengan kadar pendapatan minimum dan pendapatan;
- c) standard minimum yang perlu diguna pakai mengikut sektor, kawasan wilayah, jenis pekerja gig atau perkhidmatan dan kategori atau perkara lain yang berhubungan dengan peruntukan Akta ini;
- d) ketidakpakaian pengesyoran dalam perenggan (a), (b) atau (c) kepada mana-mana sektor, kawasan wilayah, jenis pekerja gig atau perkhidmatan dan kategori atau perkara lain;
- e) tarikh permulaan kuat kuasa apa-apa perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah Bahagian ini;
- f) penyemakan apa-apa perintah yang dibuat di bawah Bahagian ini;

MPG turut mempunyai kuasa untuk melakukan semua perkara yang perlu atau suai manfaat atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya termasuk:

- a) untuk berunding dengan pemegang taruh yang berkaitan atas semua perkara yang berhubungan dengan perenggan fungsi MPG di atas;
- b) untuk mengumpul dan menganalisis data dan maklumat, dan untuk menjalankan penyelidikan atas perkara yang berhubungan dengannya, termasuklah di peringkat antarabangsa;
- c) untuk menyelaraskan dan menyelia, dan untuk menilai kesan daripada, pelaksanaan mana-mana perintah yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini;
- d) untuk menimbang teliti atas semua perkara yang berhubungan dengan perenggan (1)(a) hingga (g);
- e) untuk menyebarkan maklumat dan analisis terhadap semua perkara yang berhubungan dengan Akta ini; dan
- f) untuk menjalankan apa-apa fungsi lain yang difikirkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya dengan berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

Komposisi Ahli yang Komprehensif

Selaras dengan Subseksyen 51(1) Akta 872, keanggotaan Majlis direka bentuk untuk menjadi inklusif dan holistik yang terdiri daripada wakil-wakil berkepentingan bagi memastikan semua perspektif diambil kira.

Keanggotaan MPG meliputi:

- seorang Pengerusi
- seorang Timbalan Pengerusi
- seorang Setiausaha.
- anggota yang mewakili pegawai awam dari kementerian/jabatan berkaitan.
- anggota yang mewakili entiti kontrak

- anggota yang mewakili pekerja gig
- anggota lain yang dilantik oleh Menteri Sumber Manusia.

Lantikan anggota Majlis berkuat kuasa untuk tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun dan boleh dilantik semula.

Komitmen Kerajaan dalam Menjaga Kebajikan Pekerja Gig

Penubuhan Majlis Perundingan Gig mencerminkan komitmen teguh Kerajaan Malaysia, khususnya KESUMA, untuk mengiktiraf ekonomi gig bukan lagi sekadar pendapatan sampingan, tetapi sebagai struktur kerjaya yang perlu diberi perhatian dan perlindungan sewajarnya. MPG akan memastikan pembangunan dasar yang berkesan dan relevan bagi mewujudkan masa depan kerja yang lebih selamat, adil, dan saksama untuk semua pekerja gig di negara ini